

Hubungan Faktor Terpilih dengan Tekad Keusahawanan Pelajar di Kolej Vokasional Zon Tengah, Semenanjung Malaysia

(Relationship of Selected Factors with Students' Entrepreneurial Intention at Vocational Colleges in the Central Zone, Peninsular Malaysia)

Normasitah Masri¹, Arnida Abdullah^{2*}, Soaib Asimiran³

¹Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 62604 Putrajaya, Malaysia.

Email: masitah1977@gmail.com

²Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

Email: arnidaa@upm.edu.my

³Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

Email: soaib@upm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Arnida Abdullah

(arnidaa@upm.edu.my)

KATA KUNCI:

Tekad Keusahawanan

Teori Tingkah Laku Terancang

Pendidikan Teknikal dan

Latihan Vokasional (TVET)

Kajian Kuantitatif

KEYWORDS:

Entrepreneurial Intention

Theory of Planned Behaviour

Technical Education and

Vocational Training (TEVT)

Quantitative study

CITATION:

Normasitah Masri, Arnida Abdullah & Soaib Asimiran. (2022). Hubungan Faktor Terpilih dengan Tekad Keusahawanan Pelajar di Kolej Vokasional Zon Tengah, Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001508.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1508>

Kolej vokasional (KV) memberi peluang kepada pelajar kategori lemah dan sederhana pencapaian akademik melanjutkan pelajaran dalam pelbagai aliran kemahiran mengikut bakat dan minat masing-masing. Kementerian menetapkan sasaran sebanyak 10 peratus daripada mereka menceburi bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun, peratusan graduan yang bekerja sendiri di KV adalah rendah berbanding graduan politeknik dan kolej komuniti iaitu 7.7 peratus pada tahun 2018. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara norma sosial, sikap dan efikasi sendiri keusahawanan dengan tekad keusahawanan di 16 buah KV meliputi Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Seramai 244 orang pelajar tahun 1 Diploma Vokasional Malaysia telah dipilih sebagai responden kajian menggunakan teknik pensampelan rawak berkelompok mengikut negeri. Hasil kajian mendapati efikasi sendiri dan tekad keusahawanan pelajar KV berada pada tahap sederhana, manakala norma sosial dan sikap keusahawanan berada pada tahap tertinggi. Analisis kolerasi pula menunjukkan hubungan positif yang kuat serta signifikan antara sikap dan efikasi sendiri keusahawanan dengan tekad keusahawanan. Walau bagaimanapun, norma sosial dan tekad keusahawanan menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan kekuatan korelasi yang sederhana. Ini menunjukkan sikap dan efikasi sendiri keusahawanan adalah penting dalam pembentukan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar KV. Namun begitu, dorongan dan sokongan masih juga diperlukan apabila mereka terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Pengalaman yang diperolehi akan menguatkan kepercayaan terhadap diri sendiri dan seterusnya lebih meningkatkan tekad keusahawanan

mereka untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

ABSTRACT

Vocational colleges offer students with the low and medium academic achievement to pursue their education in a wide range of skill trainings based on their talents and interests. The ministry has set a target of 10 per cent of them venturing into entrepreneurship. However, the percentage of self-employed graduates in KVs was lower than that of polytechnics and community colleges at 7.7 percent in 2018. In this regard, the study aims to determine the relationship of between social norms, entrepreneurial attitude, self-efficacy and intention at 16 community colleges including Selangor, Federal Territory of Kuala Lumpur and Negeri Sembilan. A total of 244 1st year Malaysian Vocational Diploma students has been selected as respondents in the study using cluster sampling techniques according to states. The result shows that the entrepreneurial self-efficacy and intention of community students were at medium level, while the social norms and entrepreneurial attitude were at the highest level. Correlation analysis reveals that a strong and significant positive relationship exist between entrepreneurial attitudes, self-efficacy and intention. Social norms and entrepreneurial intention, however, show a positive significant relationship with moderate correlation strength. This indicates that entrepreneurial attitude and self-efficacy are important in shaping entrepreneurship intention among the college vocational students. Encouragement and support, however, are still needed as they involve in entrepreneurial activities. The experiences gained will strengthen their self-confidence and further enhance their entrepreneurial intention to venture into entrepreneurship.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam menjelaskan realiti sebenar tekad keusahawanan pelajar kolej vokasional yang boleh dijadikan kayu pengukur kemenjadian seorang usahawan dimasa hadapan. Dapatan kajian boleh digunakan oleh penggubal dasar untuk membangunkan perancangan strategik bagi memenuhi hasrat kerajaan mencapai 10 peratus lulusan kolej vokasional menjadi usahawan muda.

1. Pengenalan

Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (PTV) adalah agenda utama kerajaan Malaysia dalam membentuk tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri dalam pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan. Pendidikan vokasional melahirkan graduan berkemahiran tinggi bidang vokasional untuk pasaran kerja dalam pelbagai industri tempatan, manakala pendidikan teknikal menghasilkan tenaga kerja mahir dalam profesion teknikal seperti kejuruteraan, teknologi, dan komputeran. Ini selaras dengan perkembangan dan keperluan industri negara yang memerlukan tenaga kerja lulusan sijil atau diploma untuk berdepan dengan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-

2025 (PPPM 2013-2025) yang dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk melengkapkan murid-murid dengan modal insan yang holistik bagi menghadapi peluang dan cabaran menjelang abad ke-21. Justeru, KPM menyediakan laluan pembelajaran yang pelbagai pada peringkat sekolah menengah yang terdiri daripada pendidikan akademik, teknikal dan vokasional, agama, sukan serta kesenian bagi memenuhi kepelbagaian minat dan kebolehan. Gelombang 1 PPPM 2013-2015 telah menjalankan langkah perlu bagi memperkasa pendidikan vokasional dengan memberi kesedaran awam tentang pilihan pendidikan yang ditawarkan, meningkatkan capaian terhadap program vokasional yang berkualiti, menjadikan latihan vokasional lebih relevan dengan industri dan menyediakan segala keperluan agar pihak industri menerima dan mengiktiraf pendidikan dan latihan vokasional.

Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional yang diperkenalkan oleh KPM pada 2012 merupakan satu lagi usaha yang diperkenalkan untuk memperkasakan bidang latihan dan kemahiran dengan mengambil dua pendekatan iaitu memperkenalkan Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di sekolah menengah harian terpilih di seluruh negara dan menubuhkan Kolej Vokasional (KV). Usaha ini bertujuan untuk membina pendidikan vokasional yang berupaya melahirkan modal insan yang cemerlang sebagai pekerja mahir ataupun usahawan berdaya saing dan berwatak profesional bagi memenuhi keperluan ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Selain itu, ia juga membekalkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran yang diakui oleh industri serta mempunyai nilai kebolehpasaran pekerjaan dan mengamalkan konsep pengayaan ilmu.

KV juga turut mengambil kira keperluan pelajar Kolej Vokasional ke arah bidang keusahawanan. Ini kerana aktiviti keusahawanan dapat meningkatkan penawaran kerja, mencipta kekayaan dan mengembangkan ekonomi negara ([Ahmad & Xavier, 2012](#)). KPM Kementerian menetapkan sasaran 10 peratus graduan KV menjadi usahawan. Sehubungan itu, pelajar KV didedahkan dengan pelbagai aktiviti keusahawanan dan semua pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) diwajibkan untuk mengambil kursus Keusahawanan (*Entrepreneurship* UES 2012) pada semester pendek. Menurut [Norasmah \(2002\)](#), menanam minat dan melatih pelajar dalam bidang keusahawanan penting dilakukan kerana banyak kajian menunjukkan kejayaan pembudayaan keusahawanan boleh berlaku jika pendedahan dilakukan di peringkat sekolah. Pendedahan kepada pendidikan keusahawanan boleh meningkatkan minat dalam kerjaya keusahawanan ([Ahmad Firdaus & Mohd Khata, 2012](#); [Izquierdo & Buelens, 2011](#); [Wan Nur Azlina et al., 2015](#)).

Walau bagaimanapun, kajian pengesanan graduan oleh [Kementerian Pendidikan Tinggi \(2018\)](#) menunjukkan peratusan graduan KV yang bekerja sendiri adalah rendah berbanding graduan politeknik dan kolej komuniti iaitu 7.7 peratus, di mana ia masih belum mencapai sasaran 10 peratus seperti yang disasarkan oleh Kementerian. Laporan tersebut turut mendapati majoriti daripada mereka lebih selesa untuk bekerja dengan orang lain dan sebahagian besar (72.9 peratus) memilih sektor swasta. Sehubungan itu, memahami hubungan antara sikap, efikasi sendiri dan tekad keusahawanan dapat memberikan gambaran serta kefahaman yang jelas tentang kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar KV.

1.2. Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan meninjau hubungan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah; Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur dan Negeri Sembilan berdasarkan teori tekad keusahawanan dan sumbangan keterlibatan pelajar dalam pendidikan keusahawanan. Secara khususnya objektif kajian ini adalah:

- i. Menentukan tahap tekad keusahawanan, sikap keusahawanan, norma sosial, dan efikasi keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.
- ii. Menentukan hubungan sikap terhadap keusahawanan, norma sosial, dan efikasi keusahawanan dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Zon Tengah.

2. Sorotan Literatur

2.1. Tekad Keusahawanan

Tekad keusahawanan ialah keinginan seseorang untuk mempunyai perniagaan sendiri atau memulakan perusahaan (Crant, 1996). Tekad telah digunakan untuk menerangkan ramalan diri seseorang untuk terlibat dalam suatu perlakuan dan dikenal pasti sebagai peramal terbaik baik suatu perlakuan (Ajzen, 2002). Kajian sosial-psikologikal menganggap tekad adalah peramal terbaik untuk tingkah laku sebenar (Bagozzi, Baumgartner & Yi, 1989). Krueger, Reilly dan Carsrud (2000) menyatakan keusahawanan adalah cara pemikiran yang menumpukan terhadap peluang berbanding ancaman. Proses mengenal pasti peluang adalah proses yang dirancang terlebih dahulu, oleh itu perlakuan keusahawanan adalah perlakuan yang dirancang dan melibatkan tekad seseorang.

Menurut Prabhu, McGuire, Drost dan Kwong (2012), tekad keusahawanan terbahagi kepada tiga konstruk iaitu keusahawanan am, perkembangan pesat dan gaya hidup. Keusahawanan am adalah tekad seseorang untuk memulakan perniagaan atau bekerja sendiri kerana memenuhi autonomi dan mendapat faedah ekonomi. Konstruk kedua dalam tekad keusahawanan ialah mengalami perkembangan pesat (*high growth*) iaitu memulakan perniagaan untuk mengembangkannya sama ada di peringkat antarabangsa, menjadi peneraju industri atau syarikat awam. Konstruk gaya hidup ialah memulakan perniagaan bagi mendapatkan autonomi dan mendapatkan kualiti gaya hidup yang benar-benar diinginkan tanpa mengharap keuntungan yang tinggi berdasarkan kemahiran yang mereka miliki.

2.2. Teori Tekad Keusahawanan

Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour*) oleh Ajzen (1991) bermula daripada Teori Tindakan Bersebab (*Theory of Reasoned Action*) oleh (Ajzen & Fishbein, 1980). Pada asalnya Teori Tindakan Bersebab hanya menggunakan dua pemboleh ubah sahaja iaitu sikap terhadap tingkah laku dan norma subjektif. Tingkah Laku Kawalan Tertanggap (*Perceived Behavioral Control – TPB*) dimasukkan sebagai pemboleh ubah ke tiga dalam Teori Tindakan Terancang yang mana sebenarnya ia bertepatan atau sama konsep dengan efikasi sendiri oleh Bandura (1977) menjadikan teori ini dengan tiga pemboleh ubah iaitu sikap terhadap perlakuan, norma sosial dan tingkah laku kawalan tertanggap.

Teori ini menekankan bahawa tekad dapat meramal tingkah laku tertentu berdasarkan sikap individu terhadap tingkah laku, tingkah laku kawalan tertanggap dan norma subjektif. Teori Tingkah Laku Terancang telah digunakan dalam banyak kajian untuk

meramal tingkah laku seseorang termasuklah tingkah laku keusahawanan walaupun terdapat juga teori keusahawanan seperti Model Tekad Keusahawanan oleh Bird (1988), Teori Tekad Keusahawanan oleh Davidson (1995), Model Tekad Keusahawanan Krueger dan Carsrud (1993) dan lain-lain lagi. Istilah tekad lebih sesuai digunakan berbanding istilah lain kerana menggambarkan kontinum tinggi untuk menjadi usahawan dengan melibatkan perancangan, pengorbanan masa, tenaga, keupayaan ilmu, kemahiran diri dan sanggup menanggung risiko dan kegagalan (Zaidatol & Hisyamuddin, 2010). Teori tingkah laku terancang telah menyumbang kepada kefahaman tentang tingkah laku usahawan yang perlu ada bagi menggalakkan budaya keusahawanan (Liñán & Chen, 2009). Menurut Radin et al. (2016) teori ini relevan untuk melahirkan usahawan dalam pelbagai bidang ilmu.

2.3. Norma Sosial

Ajzen (2002) menyatakan tekanan sosial mempengaruhi individu sama ada akan menunjukkan tingkah laku atau sebaliknya. Liñán dan Rodríguez (2004) pula mendapati penilaian budaya setempat yang positif terhadap keusahawanan dan sokongan untuk memulakan perusahaan meningkatkan keinginan individu menjadi usahawan. Dalam hal ini, pengaruh terkuat terhadap tingkah laku pekerja adalah kumpulan kerjanya manakala ibu bapa, rakan baik, guru dan orang yang disanjung boleh juga menjadi faktor mendorong seseorang mempamerkan tingkah lakunya. Ini menunjukkan bukan sahaja peranan orang berpengaruh dalam hidup individu mendorong tekad keusahawanan, malah penilaian budaya setempat terhadap aktiviti keusahawanan tidak dapat dinafikan. Cai dan Kong (2017) mendapati norma sosial iaitu pengaruh ibu bapa, rakan, saudara dan guru mempunyai hubungan dengan tekad keusahawanan. Mengenal pasti sokongan sosial dalam kajian norma subjektif adalah perlu kerana sokongan sosial boleh terdiri daripada *role model*, mentor, ibu bapa atau adik beradik bergantung kepada pengaruh paling kuat terhadap usahawanan terbabit (Zaidatol & Hisyamuddin, 2010).

2.4. Sikap Keusahawanan

Hubungan antara sikap dan tekad dinyatakan dalam Teori Tingkah laku Terancang di mana tekad ditentukan oleh sikap terhadap perlakuan, norma subjektif dan tingkah laku kawalan tertanggap (Ajzen, 1982, 1991; Ajzen & Fishbein, 2005). Sikap adalah kecenderungan untuk suka atau tidak suka pada objek, seseorang, institusi atau keadaan. Penerimaan atau tidak menerima sesuatu akan ditunjukkan dalam sikap berdasarkan penilaian sendiri. Jika penilaian sesuatu adalah baik, maka sikap positif akan ditunjukkan dan begitulah sebaliknya. Tingkah laku keusahawanan terhasil daripada sikap terhadap nilai, kebaikan dan kecenderungan terhadap keusahawanan (Ajzen, 1982). Ajzen (1991) serta Ajzen dan Fishbein (2000) menambah, penilaian keseluruhan ini mempunyai 'arah' dan 'darjah'. 'Arah' melambangkan perasaan sama ada positif (suka) atau negatif (benci) manakala 'darjah' menunjukkan aras kesukaan atau kebencian seperti sedikit benci atau sangat benci.

2.5. Efikasi Kendiri Keusahawanan


Efikasi kendiri ialah penilaian individu terhadap keupayaannya mengurus dan melaksanakan aktiviti dengan efektif bagi mencapai hasil tertentu (Bandura, 1977, 1994). Kajian efikasi kendiri bermula dari sudut psikologi oleh Ajzen (2002) yang kemudiannya mendapati terdapat persamaan dengan efikasi kendiri oleh Bandura (1977). Kajian pilihan kerjaya keusahawanan tertumpu kepada tekad keusahawanan dengan terhasilnya

skala efikasi keusahawanan sendiri (*Entrepreneurial Self-Efficacy* - ESE) oleh [Krueger dan Brazeal \(1994\)](#). Individu dengan efikasi sendiri yang tinggi mampu menguruskan masalah rumit dengan efektif dan cenderung menghargai hasil daripada kesukaran yang dilalui dan merasa kepuasan dalam diri. Efikasi keusahawanan merupakan kombinasi efikasi sendiri dan konsep psikologi tugas spesifik (keusahawanan) sebagai satu tugas yang mewakili pilihan kerjaya usahawan. Menurut [Cardon dan Kirk \(2015\)](#), efikasi keusahawanan adalah pengukuran yang sesuai bagi usahawan kerana melibatkan kebolehan individu dari segi kekangan dan dorongan internal (personaliti) dan eksternal (keadaan luaran sekeliling) berkaitan perlakuan dan niat terhadap perlakuan keusahawanan. Efikasi keusahawanan adalah faktor motivasi personal yang membolehkan pelajar memilih keusahawanan sebagai kerjaya masa depan dan tabah menghadapi cabaran dan kesukaran dalam memulakan perniagaan ([Wilson, Kickul & Marlino, 2007](#)). Pelajar yang tinggi efikasi sendiri akan meneroka peluang keusahawanan, berusaha menangani ketidakpastian dan kesukaran dan tabah demi mencapai impian sebagai usahawan.

2.6. Kerangka Kajian

Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian hubungan antara sikap, efikasi sendiri dan tekad keusahawanan pelajar KV di Zon Tengah, Semenanjung Malaysia. Kerangka teori kajian adalah berdasarkan Teori Tingkah Laku Terancang (*Theory of Planned Behaviour*) oleh [Ajzen dan Fishbein \(1980\)](#) di mana sikap keusahawanan adalah pemboleh ubah tidak bersandar dan tekad keusahawanan adalah pemboleh ubah bersandar. Menurut teori ini, tingkah laku ditentukan oleh tekad seseorang individu untuk terlibat dengannya dan tingkah laku tersebut adalah berada dalam kawalannya.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



3. Metod Kajian

Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan data p bagi mengenal pasti hubungan antara sikap keusahawanan dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar KV di Zon Tengah, Semenanjung Malaysia. Lokasi kajian yang di pilih adalah di Zon Tengah iaitu di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Populasi kajian pula terdiri dalam kalangan pelajar Tahun 1 DVM yang telah mengambil kursus Keusahawanan (UES 2012) di ketiga-tiga negeri. Teknik pensampelan rawak berkelompok mengikut negeri telah dibuat bagi memilih 267 responden di 16 buah kolej vokasional.

Soal selidik kajian telah adaptasi daripada beberapa sumber seperti [Liñán dan Chen \(2009\)](#), [Jackson dan Rodkey \(1994\)](#) serta [Linan et al. \(2011 & 2016\)](#). Skala Likert 5 mata telah digunakan untuk mengukur item bermula dengan skala 1 menunjukkan “sangat tidak setuju” hingga skala 5 menunjukkan “sangat setuju.” Instrumen kajian telah disahkan oleh tiga orang pakar dan kajian rintis menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dengan nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* 0.93 bagi tekad keusahawanan, 0.82 bagi norma sosial, 0.91 bagi sikap keusahawanan dan 0.90 bagi efikasi sendiri keusahawanan. Nilai keseluruhan *Alpha Cronbach* bagi kajian rintis ini adalah 0.916.

Setelah proses pembersihan, hanya 244 borang soal selidik telah diterima untuk dianalisis. Analisis data menggunakan statistik deskriptif dijalankan bagi mengenal pasti tahap tekad keusahawanan dan sikap keusahawanan. Hasil dapatan seterusnya ditafsirkan menggunakan interpretasi skor min oleh [Pallant \(2010\)](#) seperti dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Skala Pentaksiran Min

Min	Pentaksiran
1.0 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Analisis korelasi pula dilakukan untuk menentukan hubungan antara tekad keusahawanan dan sikap keusahawanan. Nilai hubungan ditafsirkan dengan merujuk kepada [Salkind \(2009\)](#) seperti dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2: Skala Pentaksiran Pekali Kolerasi

Nilai pekali korelasi (r)	Pentaksiran
.0 – 0.2	Sangat lemah/Tiada hubungan
.2 – 0.4	Lemah
.4 – 0.6	Sederhana
.6 – 0.8	Kuat
.8 – 1.0	Sangat kuat

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1. Profil Responden Kajian

Semua responden merupakan pelajar Kolej Vokasional Zon Tengah berusia 19 tahun. Bilangan pelajar lelaki adalah 130 orang (53.3%), manakala pelajar perempuan seramai 114 orang (46.7%) ([Jadual 3](#)). Majoriti bangsa pelajar adalah Melayu 241 orang (98.8%), diikuti dengan India 2 orang (0.8%), dan Cina 1 orang (0.4%). Seramai 114 orang (46.7%) adalah dari Selangor, 92 orang (37.7%) dari Negeri Sembilan dan 38 orang (15.6%) dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jadual 3: Profil Responden Kajian

Butiran	Bilangan	Peratus (%)
Umur		
19 tahun	244	100
Jantina		
Lelaki	130	53.3
Perempuan	114	46.7
Negeri		
Selangor	114	46.7
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	38	15.6
Negeri Sembilan	92	37.7
Jumlah	244	100

4.2. Analisis Deskriptif

Berdasarkan [Jadual 4](#), didapati responden kajian mempunyai tahap tekad keusahawanan pada tahap sederhana (min = 3.65; S.P. = 0.84), dan tahap sikap keusahawanan yang tinggi (min = 3.75; S.P. = 0.63).

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai

Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi tahap min
Tekad keusahawanan	3.65	0.84	Sederhana
Norma sosial	3.75	0.66	Tinggi
Sikap keusahawanan	3.75	0.63	Tinggi
Efikasi sendiri keusahawanan	3.34	0.70	Sederhana

Dapatan kajian menunjukkan pelajar KV telah mempunyai tekad untuk bekerja sendiri dengan menjadi seorang usahawan. Walau bagaimana pun, azam yang dibina masih belum kuat untuk melangkah ke peringkat yang seterusnya. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah ([Zaidatol & Hisyamuddin, 2010](#)), pelajar kolej ([Hishamuddin, 2007](#)) dan pelajar di pusat pengajian tinggi ([Al-Jubari, Hassan, & Liñán, 2019](#); [Radin et al., 2016](#)). Sehubungan itu, tekad keusahawanan pelajar KV perlu ditingkatkan ke tahap tinggi kerana tekad yang kuat membawa kepada peringkat seterusnya iaitu tingkah laku sebenar.

Tahap norma sosial yang tinggi menunjukkan individu, keluarga dan masyarakat di sekeliling pelajar KV mempunyai persepsi yang positif terhadap bidang keusahawanan. Mereka dapat menerima bahawa bidang keusahawanan adalah kerjaya pilihan generasi muda pada masa akan datang. Dengan tekanan sosial yang positif ini, pelajar-pelajar KV pasti akan meneruskan tingkah laku keusahawanan mereka. Dapatan ini sangat berbeza dengan kajian yang pernah dijalankan oleh [Shook dan Bratianu \(2010\)](#) yang mendapati masyarakat dan individu setempat

Sikap keusahawanan pelajar KV pada tahap tinggi menjelaskan mereka mempunyai tanggapan yang sangat positif terhadap bidang keusahawanan ([Basu & Virick, 2008](#)). Ia juga menunjukkan bahawa pelajar KV telah mengetahui akan kelebihan bekerja sendiri berbanding makan gaji dan mempunyai persepsi bahawa keusahawanan adalah satu bidang yang mempunyai potensi masa depan. Dapatan ini menyokong kajian [Ahmad](#)

Firdaus dan Mohd Khata (2012), Hishamuddin (2007), Nor Aishah et al. (2016), serta Wan Nur Azlina (2014).

Dapatan kajian yang mendapati tahap efikasi sendiri keusahawanan pelajar KV berada pada tahap sederhana menyokong banyak kajian-kajian lepas seperti Arifatul et al. (2010), Hishamuddin (2007), Zaidatol dan Bagheri (2011), Zaidatol dan Hisyamuddin (2010) serta Abbas (2015). Menurut Erikson (2003), tahap efikasi sendiri keusahawanan yang rendah akan membuatkan pelajar menganggap punca kegagalan adalah disebabkan oleh ketidakupayaan diri mereka sendiri. Tetapi, apabila efikasi sendiri keusahawanan berada pada tinggi, mereka akan terus melipat gandakan usaha menghadapi cabaran. Oleh itu, adalah penting untuk meningkatkan efikasi sendiri keusahawanan pelajar KV agar tidak mudah menyalahkan diri sendiri dan berputus asa apabila menghadapi kegagalan dalam perniagaan.

4.3 Analisis Kolerasi

Berdasarkan Jadual 5, adalah didapati terdapat hubungan positif yang tinggi dan sangat kuat serta signifikan antara sikap keusahawanan dan tekad keusahawanan.

Jadual 5: Hubungan Antara Sikap Keusahawanan Dan Tekad Keusahawanan

Pemboleh ubah	Tekad keusahawanan		Interpretasi tahap hubungan
	Nilai kolerasi (r)	Nilai signifikan (Sig.)	
Norma sosial	.579**	.00	Sederhana
Sikap keusahawanan	.791**	.00	Kuat
Efikasi sendiri keusahawanan	.632**	.00	Kuat

Hubungan positif yang kuat antara sikap keusahawanan dengan tekad keusahawanan menjelaskan sikap keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam membentuk tekad keusahawanan. Ini disokong oleh Izquierdo dan Buelens (2011) serta Zaidatol dan Bagheri (2011) yang mendapati sikap keusahawanan yang positif mempengaruhi tekad keusahawanan. Semakin tinggi sikap keusahawanan pelajar KV, semakin tinggi juga mereka akan membina tekad ke arah keusahawanan. Sehubungan itu, pendedahan kepada pendidikan keusahawanan di KV perlu diteruskan kerana sikap positif pelajar-pelajar KV terhadap keusahawanan didapati mampu merangsang tekad mereka untuk menceburi bidang keusahawanan.

Hubungan positif yang juga kuat antara efikasi sendiri keusahawanan dan tekad keusahawanan menjelaskan efikasi sendiri keusahawanan juga membantu dalam membentuk tekad keusahawanan selain daripada sikap keusahawanan. Dapatan kajian ini selari dengan hasil kajian Hishamuddin (2007), Linan dan Chen (2009), Wan Nur Azlina (2014), Zaidatol dan Hisyamuddin (2010) yang mendapati wujudnya hubungan signifikan positif efikasi keusahawanan dengan tekad keusahawanan. Keyakinan terhadap kekuatan, kebolehan dan keupayaan diri dalam bidang keusahawanan membantu pelajar membentuk jati diri yang kuat sebagai persediaan diri menghadapi dunia perniagaan pada masa akan datang.

Norma sosial didapati mempunyai hubungan positif yang sederhana dalam kajian ini selari dengan hasil kajian Ramayah dan Zainon (2005) serta Wan Nur Azlina et al. (2015) yang menjadikan pelajar universiti dan pelajar PTV sebagai responden. Ini menunjukkan pelajar KV masih belum mempunyai sumber sokongan dan dorongan yang kuat di

sekeliling mereka untuk membentuk tekad keusahawanan yang tinggi. Individu-individu penting di sekeliling pelajar seperti ibu bapa, rakan, guru dan masyarakat berperanan mempengaruhi pelajar meningkatkan tekad keusahawanan mereka dengan memberikan pandangan dan kepercayaan bahawa usahawan adalah satu pilihan kerjaya yang baik.

5. Kesimpulan

Tekad keusahawanan menjelaskan dan meramalkan tingkah laku pelajar untuk melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan dan seterusnya memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan pada satu hari nanti. Walau pun tekad pelajar KV menunjukkan pada tahap yang sederhana, ia menggambarkan bahawa mereka telah mempunyai kemahuan yang sudah pasti untuk menceburkan diri dalam keusahawanan. Justeru, usaha untuk mendedahkan pelajar KV kepada bidang keusahawanan perlu diteruskan oleh pihak KV untuk meningkatkan tahap tekad keusahawanan mereka. Langkah ini penting kerana tekad keusahawanan perlu dibentuk dalam diri seseorang sebelum ditunjukkan melalui tingkah laku keusahawanan. Pendidikan secara formal melalui kursus keusahawanan perlu diteruskan ke siri kedua dengan durasi yang lebih panjang supaya pelajar dapat meningkatkan ilmu dan kemahiran perniagaan serta merasai sendiri pengalaman menjadi usahawan melalui latihan amali atau praktikal. Penglibatan pelajar boleh membina keyakinan serta kekuatan diri mereka untuk memikirkan secara serius dan seterusnya menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih diucapkan kepada responden yang telah sudi memberikan kerjasama dan juga semua yang terlibat dalam menyumbangkan kepakaran dan buah fikiran bagi menjayakan penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Abbas, L. (2015). Entrepreneurial intention among Malaysian engineering graduates: Male versus female. *Journal of Technical Education and Training*, 7(2), 54–59.
- Ahmad Firdaus, A. H., & Mohd Khata, J. (2012). Kecenderungan pelajar tahun akhir di Institut Kemahiran Mara terhadap bidang keusahawanan. Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved from http://www.proedujournal.com/index.php?option=com_phocadownload&view=category&id=3:jem&Itemid=178&limitstart=30
- Ahmad, S. Z., & Xavier, S. R. (2012). Entrepreneurial environments and growth: Evidence from Malaysia GEM data. *Journal of Chinese Entrepreneurship*, 4(1), 50–69.

- Ajzen, I. (1982). On behaving in accordance with one's attitudes. In *Consistency In Social Behaviour*, 3–15. <https://doi.org/10.1080/09614520701469617>
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Ajzen, I. (2002). Perceived behavioral control, self – efficacy, locus of control and the theory of planned behavior. *Journal Of Applied Social Psychology*, 32(4): 665-683.
- Ajzen, I, & Fishbein, M. (1980). *Understanding attitudes and predicting social behavior*. Prentice Hall.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (2005). *The influence of attitudes on behavior*. In *The Handbook Of Attitudes* , 173–221.
- Al-Jubari, I., Hassan, A., & Liñán, F. (2019). Entrepreneurial intention among university students in Malaysia: Integrating self-determination theory and the theory of planned behavior. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 15(4), 1323-1342.
- Arifatul Husna, M. A., Zainol, B., Zakiah, S., & Adura, A. (2010). Predicting entrepreneurship intention among Malay university accounting students in Malaysia. *UNITAR e-Journal*, 6(1), 1-10.
- Bagozzi, R. P., Baumgartner, J., & Yi, Y. (1989). An investigation into the role of intentions as mediators of the attitude-behavior relationship. *Journal of Economic Psychology*, 10(1), 35–62.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215. <https://doi.org/10.1037/0033-295X.84.2.191>
- Bandura, A. (1994). Bandura Self-efficacy defined. *Encyclopedia of Human Behavior*. Academic Press.
- Basu, A., & Virick, M. (2008). Assessing entrepreneurial intentions amongst students: A comparative study. In *VentureWell. Proceedings of Open, the Annual Conference (p. 79). National Collegiate Inventors & Innovators Alliance*.
- Bird, B. (1988). Implementing entrepreneurial ideas : The case for intention. *The Academy of Management Review*, 13(3), 442–453.
- Cai, J., & Kong, D. (2017). Study on the impact of entrepreneurship education in colleges and universities on students' entrepreneurial intention. *Revista de La Facultad de Ingenieria*, 32(14), 899–903.
- Cardon, M. S., & Kirk, C. P. (2015). Entrepreneurial passion as mediator of the self-efficacy to persistence relationship. *Entrepreneurship: Theory and Practice*, 39(5), 1027–1050.
- Crant, M. J. (1996). The proactive personality scale as a predictor of entrepreneurial intention. *Journal of Small Business Management*, (May), 42–50.
- Davidson, P. (1995). Determinants of entrepreneurial intention. *RENT IX workshop* , Piacenza, Italy, 1-31.
- Erikson, T. (2003). Towards a taxonomy of entrepreneurial learning experiences among potential entrepreneurs. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 10(1), 106-112.
- Hishamuddin, H. (2007). Hubungan faktor-faktor terpilih dengan tekad keusahawanan mengikut persepsi pelajar. *Thesis Master yang tidak diterbitkan*. Universiti Putra Malaysia.
- Izquierdo, E., & Buelens, M. (2011). Competing models of entrepreneurial intentions: the influence of entrepreneurial self-efficacy and attitudes. *International Journal of*

- Entrepreneurship and Small Business*, 13(1), 75.
<https://doi.org/10.1504/IJESB.2011.040417>
- Jackson, J. E., & Rodkey, G. R. (1994). The attitudinal climate for entrepreneurial activity. *Public Opinion Quarterly*, 58(3), 358.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2018). *Statistik Pendidikan Tinggi*. KPTM.
- Krueger, N. F., & Brazeal, D. V. (1994). Entrepreneurial potential and potential entrepreneurs. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 20(1994), 91–104.
- Krueger, N., & Carsrud, A. L. (1993). Entrepreneurial intentions: Applying the theory of planned behaviour. *Entrepreneurship and Regional Development*, 5, 315–330.
- Krueger, N. F., Reilly, M. D., & Carsrud, A. L. (2000). Competing models of entrepreneurial intentions. *Journal of Business Venturing*, 9026(98), 411–432.
- Liñán, F., & Chen, Y. W. (2009). Development and cross-cultural application of a specific instrument to measure entrepreneurial intentions. *Entrepreneurship: Theory and Practice*, 33(3), 593–617. <https://doi.org/10.1111/j.1540-6520.2009.00318.x>
- Liñán, F., Moriano, J. A., & Jaén, I. (2016). Individualism and entrepreneurship: Does the pattern depend on the social context? *International Small Business Journal*, 34(6), 760–776.
- Liñán, F., & Rodríguez, J. C. (2004). Entrepreneurial attitudes of Andalusian university students. 44th ERSA Conference, 23–27.
- Linan, F., Urbano, D. & Guerrero, M. (2011). Regional variations in entrepreneurial cognitions: start-up intentions of university students in Spain. *Entrepreneurship & Regional Development: An International Journal*, 23(3-4), 187-215.
- Norasmah, O. (2002). *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja di Sekolah Menengah*. Thesis Master yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia
- Nor Aishah, B., Salmah, I., & Ravi, N. (2016). The level of intention in formation the entrepreneurship career choice behaviour among the graduates entrepreneur scheme participants. In *National Conferences on Sustainable Cities organized by Politeknik Ungku Omar* (Vol. 4), (May), 109–116.
- Pallant, J., (2010). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using the SPSS program*. 4th Edition, McGraw Hill.
- Prabhu, V. P., McGuire, S. J., Drost, E. A., & Kwong, K. K. (2012). Proactive personality and entrepreneurial intent: Is entrepreneurial self-efficacy a mediator or moderator? *International Journal of Entrepreneurial Behaviour and Research*, 18(5), 559–586.
- Radin Siti Aishah, R. A. R., Norasmah, O., Zaidatol Akmaliah, L. P., & Hariyaty, A. W. (2016). Entrepreneurial intention and social entrepreneurship among students in Malaysian higher education. *International Scholarly and Scientific Research & Innovation*, 10(1), 175–181.
- Ramayah, T. & Harun, Z. (2005). Entrepreneurial Intention among the Students of Universiti Sains Malaysia (USM). *International Journal of Management and Entrepreneurship*, 1(1), 8-20.
- Salkind, N.J. (2009). *Exploring Research*. 7th Edition, Prentice Hall.
- Shook, C. L., & Bratianu, C. (2010). Entrepreneurial intent in a transitional economy: An application of the theory of planned behavior to Romanian students. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 6(3), 231–247.
- Wan Nur Azlina, W. I. (2014). Hubungan antara sikap terhadap keusahawanan, norma sosial, efikasi keusahawanan, kompetensi keusahawanan dan tekad keusahawanan dalam kalangan pelajar Institut Kemahiran Belia Negara dan Kolej Komuniti. *Tesis Master yang tidak diterbitkan*. Universiti Putra Malaysia
- Wan Nur Azlina, W. I., Ab. Rahim, B., Soaib, A., Shamsiah, M., & Noor Syamilah, Z. (2015). Impact of entrepreneurship education on the entrepreneurial intentions of students in technical and vocational education and training institutions (TVET) in Malaysia.

- International Education Studies*, 8(12), 141.
<https://doi.org/10.5539/ies.v8n12p141>
- Wilson, F., Kickul, J., & Marlino, D. (2007). Gender, entrepreneurial self-efficacy, and entrepreneurial career intentions: Implications for entrepreneurship education. *Entrepreneurship: Theory and Practice*, 31(3), 387–406.
- Zaidatol Akmaliah, L. P., & Hisyamuddin, H. (2010). *Memperkasa tekad keusahawanan pelajar*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Zaidatol Akmaliah, L. P., & Bagheri, A. (2011). Malay students entrepreneurial attitude and entrepreneurial efficacy in vocational and technical secondary schools of Malaysia. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanity*, 19(2), 433-447.